

Kabinet PM mesti berundur selepas Oktober — Keng Yaik

Oleh **MARHAINI KAMARUDDIN**
UM - 2 FEB 2003

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Semua anggota Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mesti turut berundur apabila beliau melepaskan jawatannya pada Oktober ini.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, ia merupakan simbolik proses peralihan kuasa yang telah menjadi prinsip dan amalan negara demokrasi berparlimen termasuk Malaysia.

Jelasnya, ia akan membolehkan penggantian Dr. Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri baru membentuk Kabinet beliau sendiri.

“Berdasarkan prinsip dan amalan demokrasi berparlimen, apabila sampai masa Dr. Mahathir berundur pada Oktober ini, sepatutnya semua menteri lain dan anggota pentadbiran beliau juga patut berundur,” katanya.

● Beberapa wakil rakyat MCA mahu undur — Muka 3

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Abdullah ke rumah terbuka Gerakan sempena Tahun Baru Cina di sini hari ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong

Sik; Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, anggota jemaah menteri dan pemimpin parti komponen lain turut hadir.

Keng Yaik yang juga Menteri Perusahaan Utama bersetuju dengan Dr. Mahathir bahawa pemimpin UMNO dan Barisan Nasional (BN) perlu berhenti membuat kenyataan mengenai kesediaan mereka untuk meletak jawatan secara terbuka.

Beliau memberitahu, kenyataan-kenyataan seumpama itu tidak harus timbul sama sekali kerana setiap menteri dalam Kabinet Dr. Mahathir dan anggota pentadbirannya memang perlu mengundur diri.

“Ia (kenyataan sebegitu) sangat menggan-

■ Lihat muka 4

Kabinet PM mesti berundur selepas Oktober — Keng Yaik

UM - 2 FEB 2003

nggu dan mampu mengalih tumpuan negara... hentikan semua ini,” katanya.

Bagi beliau, sebaik sahaja selesai proses peralihan kuasa, parti-parti komponen BN boleh merundingkan dengan Abdullah mengenai pelantikan anggota Kabinet.

“Kita akan memberi senarai nama tetapi beliau mungkin mengekalkan seluruh barisan (dalam Kabinet Dr. Mahathir) tetapi itu semua akan ditentukan oleh

Abdullah sebagai Perdana Menteri baru,” katanya.

Walaupun proses rundingan dengan parti-parti komponen akan diadakan berhubung isu pelantikan anggota jemaah menteri, menurut Keng Yaik, keputusan akhir terletak di tangan Abdullah sendiri.

Dalam hal ini beliau menegaskan, Gerakan menyokong 100 peratus kepimpinan baru di bawah Abdullah dan pada masa yang sama

menghargai Dr. Mahathir kerana melengkapkan negara untuk suatu peralihan kuasa yang licin.

Tambahnya, anggota Kabinet perlu mengangkat sumpah semula sejajar amalan demokrasi berparlimen.

“Jika Abdullah atau sesiapa jua Perdana Menteri baru negara ini mesti melalui proses ini dan kita mesti tahu menghormatinya,” ujar beliau.